

23 NOV 1999

MALAYSIA, CHINA TANDATANGANI PERJANJIAN

PUTRAJAYA, 23 Nov (Bernama) -- Malaysia dan China hari ini menandatangani satu set perjanjian bertujuan meningkatkan kerjasama rapat termasuk memberi laluan kepada penubuhan bank di kedua-dua negara.

Perjanjian persefahaman (MoU) mengenai penubuhan institusi perbankan di wilayah masing-masing ditandatangani oleh Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Timbalan Gabenor People's Bank of China, Yan Haiwang.

Perjanjian mengenai kerjasama kebudayaan ditandatangani oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Menteri Luar China Tang Jia Xuan.

Perjanjian bagi pertukaran haiwan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Cheah Kong Wai dan duta China Guan Dengming.

Majlis menandatangani perjanjian di Pejabat Perdana Menteri di sini disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri China Zhu Rongji yang sedang melawat Malaysia, selepas perjumpaan antara pegawai delegasi kedua-dua negara.

-- BERNAMA

GM RHM